

14 FEBRUARI 2018

Sofi Jikan mengaku tak bersalah ambil ganja

Sofi Jikan mengaku tak bersalah ambil ganja

[FOTO SYARAFIQ ABD SAMAD/BH]



Sofi hadir di Mahkamah Majistret Petaling Jaya, semalam.

➔ Pelakon enggan komen, minta media buat laporan baik-baik

Oleh Sarah Zulkifli
sarah@bh.com.my

► Petaling Jaya

“**A**pa yang penting, saya belum disabitkan bersalah dan diharap pihak media lapor yang baik-baik sahaja,” kata pelakon Sofi Jikan, ketika ditemui selepas prosiding pertuduhan

mengambil ganja di Mahkamah Petaling Jaya, semalam.

Terdahulu, ketika prosiding berlangsung semalam, Sofi Jikan atau nama sebenarnya Mohamad Shoffi Jikan, 48, mengaku tidak bersalah atas tuduhan mengambil ganja ketika menjalani pemeriksaan di Ibu Pejabat Daerah (IPPD) Polis Petaling Jaya, minggu lalu.

Pelakon yang popular dengan dialog ‘Wa Kasi Sengat’ dalam filem *KL Gangster* itu, enggan memberikan sebarang komen lanjut kerana khuatir tersalah cakap.

“Alhamdulillah...syukur, no komen..saya tak boleh bercakap apa-apa.. nanti salah cakap,” katanya selepas membayar ikat jamin.

Ketika ditanya sama ada tumpuannya dalam kerjaya lakonan

terjejas ataupun tidak, Sofi menjawab, ‘no komen..saya perlu muhasabah diri dan bersyukur masih baik.. Alhamdulillah.’

Enggan ulas lanjut

Sementara itu, ketika ditanya sama ada pelakon dan pengarah, Datuk Farid Kamil ada menghubunginya selepas kejadian itu, Sofi turut enggan mengulas.

“No komen. Saya tiada isu dengan sesiapa dan jika boleh saya mahu menjaga keselamatan semua rakyat Malaysia,” katanya.

Sementara itu, peguam yang mewakili Sofi, Datuk Haniff Hassan berkata, beliau percaya dengan sistem perundangan di negara ini.

“Biarlah proses pengadilan berjalan dan kita yakin perbicaraan yang adil dapat diberikan kepada beliau (Sofi),” katanya.

Ketika prosiding berlangsung semalam, Sofi Jikan membuat pengakuan tidak bersalah, sebaik mendengar pertuduhan dikemukakan terhadapnya di hadapan Majistret Nurulhuda Zakariya.

Pelakon itu pantas berkata, ‘saya mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan.’

Berdasarkan pertuduhan, dia didakwa menggunakan 11-nor-delta-9-tetrahydrocannabinol-9-carboxylic acid (THC) iaitu dadah dalam kumpulan cannabis atau ganja di Pejabat Narkotik IPD Polis Petaling Jaya, jam 11.15 malam pada 6 Februari lalu.

Dia didakwa melakukan kesalahan terbabit mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda RM5,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.